

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 25/6/2008

Jangan hanya Malaysia, Indonesia dibebankan jaga Selat Melaka

UM - 25/6/2008



DR. MAHATHIR Mohamed menyampaikan ucapata di Persidangan Maritim dan Logistik Asia ke-5, di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 24 Jun - Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed berkata tidak seharusnya hanya Malaysia dan Indonesia sahaja yang menjaga Selat Melaka.

Beliau mempersoalkan sama ada adil kedua-dua negara dibebankan untuk memantau dan mengawasi aktiviti perkapalan dan menangani pencemaran di selat yang penting itu sedangkan pihak yang mendapat manfaat merupakan syarikat-syarikat perkapalan.

"Malaysia dan Indonesia tidak layak untuk memungut sebarang fi bagi laluan melalui selat itu. Tetapi kedua-dua negara perlu menanggung kos peralatan dan pekerja untuk berurusan dengan pencemaran di selat itu dan juga kegiatan lanun dan penyelenggaraan alat bantuan navigasi," katanya dalam ucapan pada Persidangan Maritim dan Logistik Asia ke-5 di sini hari ini.

Kata mantan Perdana Menteri itu kapal-kapal kerap mengharung lumpur di selat itu dan sekiranya ia berlanggar, terutamanya kapal tangki, ia boleh mencemari

keseluruhan selat yang sempit dan pantai Semenanjung Malaysia dan Sumatra.

"Minyak dan tar akan memusnahkan pantai, membunuh ikan dan burung dan menjejaskan periuk nasi para nelayan," katanya.

Walaupun pihak lain yang menggunakan selat itu berhujah yang Selat Melaka bukanlah laluan air buatan manusia dan enggan bertanggungjawab menyelenggarakannya, Dr. Mahathir berkata jenis kapal yang menggunakan selat itu adalah berbeza sekarang dan menimbulkan bahaya kepada negara-negara litoral.

"Kapal sekarang membawa kargo yang merbahaya termasuk minyak, dan kapal-kapal ini sangat besar sehinggakan lunasnya hanya satu atau dua meter di atas dasar laut di beberapa tempat di sepanjang selat itu.

"Bilangannya juga telah meningkat dengan ketara dan jika ia berselisih antara satu sama lain, ia akan menimbulkan bahaya besar jika berlakunya pelanggaran," katanya

- Bernama